

25/05/2003

Pemimpin BN sambut baik pelantikan Ong, Chan

Fazli Abdullah; Maznah Darus; Munaarfah Abu Bakar; Mohd Zain Ali;  
KUALA LUMPUR : Pemimpin parti komponen Barisan Nasional dan MCA  
menyambut

baik pelantikan Datuk Seri Ong Ka Ting dan Datuk Chan Kong Choy, masing-masing sebagai Presiden dan Timbalan Presiden MCA yang baru berikutan pengunduran Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Datuk Lim Ah Lek daripada jawatan itu.

Mereka berpendapat, pelantikan itu akan membawa kebaikan kepada MCA, sekali gus mengukuhkan jentera Barisan Nasional (BN) untuk menghadapi pilihan raya tidak lama lagi.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak, berkata pelantikan Ong dan Chan itu diharap mampu menyatukan kembali MCA pada masa depan.

Beliau yang juga Menteri Pertahanan, berkata pelantikan baru itu sebenarnya adalah penyelesaian kepada tindakan pelan damai yang diajukan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ini.

Beliau berkata, pelan berkenaan akhirnya diterima kedua-dua pihak yang bertelagah dengan baik demi penyatuan kembali MCA dan menghapuskan dua kumpulan yang wujud dalam MCA.

"Yang penting bukan saja perubahan... tetapi daripada pelantikan ini diharap dapat menghapuskan dua kumpulan yang wujud sebelum ini dan soalan sama ada dia daripada Kumpulan A dan B dalam MCA tidak akan disebut lagi.

"Ini adalah ujian terbesar sama ada pelan damai itu benar-benar diterima dalam MCA di semua peringkat," katanya selepas Upacara Tamat Latihan Rekrut Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) di Pangkalan TLDM di Tanjung Pengelih, Kota Tinggi, di sini, semalam.

Di JOHOR BAHRU, Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman yakin pelantikan itu kedua-dua pemimpin itu membolehkan wujud persefahaman dalam MCA.

"Pelantikan Presiden MCA dan Timbalannya yang baru ini mampu memperkukuhkan kedudukan MCA sekali gus memantapkan perpaduan dalam parti

itu yang pastinya menyumbang kepada kekuatan Barisan Nasional (BN) secara keseluruhan," katanya.

Di IPOH, Menteri Besar Perak, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, berkata pihaknya berharap kedua-dua pemimpin berkenaan dapat bekerjasama demi masa depan parti itu dan Barisan Nasional (BN).

Beliau yang juga Pengerusi BN Perak berkata, pihaknya sedia bekerjasama dengan semua pemimpin tanpa mengira siapa yang dilantik menerajui MCA.

"MCA adalah tonggak kedua penting dalam BN selepas Umno dan kita berharap (melalui pelantikan ini) parti ini akan stabil supaya kita (BN) dapat merampas kembali kerusi yang hilang pada pilihan raya umum 1999.

"Pada saya, (soal) siapa Presiden dan Timbalan Presiden MCA tidak penting kerana kita memberi sokongan kepada jawatan yang dipegangnya,"

katanya ketika ditemui di pejabatnya, semalam.

Sementara itu, Pengerusi Badan Perhubungan MCA Perak yang juga ahli Jawatankuasa Pusat (CC) parti, Datuk Ong Ka Chuan berkata, beliau akan memberi sepenuh kerjasama kepada kepimpinan yang baru dilantik.

Sehubungan itu, pihaknya akan mengadakan satu mesyuarat Jawatankuasa Perhubungan MCA Perak dengan semua ketua bahagian hari ini bagi menjelaskan mengenai perkembangan terbaru itu.

Wanita MCA Pusat dalam satu kenyataan yang dikeluarkan semalam melahirkan rasa sedih terhadap peletakan jawatan kedua-dua pemimpin tertinggi parti itu, kelmarin.

Mereka bagaimanapun, berterima kasih dengan perkhidmatan yang diberikan

serta menyifatkan sumbangan Presidennya sebagai tidak ternilai dan sentiasa berterusan dalam memberikan panduan serta sokongan kepada Wanita

MCA terutama membabitkan isu politik dan pendidikan.

Wanita MCA menghormati dan menyanjungi Ling kerana sikapnya yang bertanggungjawab serta tidak mengamalkan perbezaan jantina dalam jawatan parti atau kerajaan.

Di KOTA BHARU, Umno Kelantan yakin perubahan pucuk kepemimpinan parti MCA dengan pelantikan golongan muda akan mengukuhkan jentera BN bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Mustapa Mohamed, berkata

di bawah kepemimpinan Ong dan Chan diharap dapat menyatu semula puak bertelingkah dalam parti itu.

Di GEORGETOWN, Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon mengucapkan tahniah kepada Ong dan Chan yang dipilih untuk memimpin MCA bagi menggantikan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Datuk Lim Ah Lek.

"Dengan adanya Presiden dan Timbalan Presiden yang baru ini, saya percaya kedua-dua pemimpin itu membawa komitmen dan wawasan baru terhadap

parti dan Barisan Nasional (BN).

"Barisan pemimpin ini juga diharap akan terus menyumbang kepada kestabilan MCA dan perkembangan BN," katanya yang juga Naib Presiden Gerakan.

Naib Presiden MCA, Datuk Chua Jui Meng berharap kedua-dua pemimpin yang

dipilih itu dapat memainkan peranan menyelesaikan permasalahan yang timbul

dalam parti.

Sambil mengucapkan tahniah kepada Ong dan Chan, beliau yang juga Menteri

Kesihatan, menyifatkan kedua-duanya adalah pasangan yang baik.

"Kita harap mereka dapat memperbaiki segala masalah yang timbul sebagai

persediaan menghadapi pilihan raya umum tidak lama lagi," katanya di Putrajaya, semalam.

Di KUALA TERENGGANU, Timbalan Pengerusi MCA Terengganu, Wong Foon Meng meminta Datuk Ong Ka Ting dan Datuk Chan Kong Choy yang baru dilantik sebagai Presiden dan Timbalan Presiden parti itu mencari jalan menyelesaikan masalah perpecahan di kalangan pemimpin dan ahlinya.

Beliau berkata walaupun tugas itu sukar diselesaikan dalam tempoh terdekat, dua pemimpin berkenaan berpengalaman dan berkebolehan

menanganinya terutama membabitkan penyokong mereka.

Katanya, MCA Terengganu sekali lagi bersedia menjadi orang tengah bagi memujuk penyokong kedua-dua bekas pemimpin utama supaya kembali berdamai, sekiranya dilantik pucuk pimpinan parti itu.

Di JOHOR BAHRU, Ketua MCA bahagian Pontian, Neo Tuan Sing melahirkan rasa gembira Ong dilantik sebagai presiden parti menggantikan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Beliau percaya Ahli Parlimen Pontian itu berupaya memperkukuhkan perpaduan MCA yang sebelum ini mengalami perpecahan dan pertelagahan agak serius.

Sementara itu, Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, berkata pelantikan Ong dan Chan diharapkan membawa semula perpaduan dalam parti, sekali gus memperkukuhkan parti komponen BN.

Beliau berkata, masalah dalaman yang membelenggu MCA sebelum ini, diharapkan dapat diselesaikan dengan segera, di samping usaha meningkatkan perpaduan dalam parti itu sebagai persediaan menghadapi pilihan raya umum akan datang.

"Saya mengharapkan kepemimpinan yang baru dalam MCA akan mempamerkan prestasi terbaik bagi kepentingan MCA dan parti komponen dalam BN," katanya.